

**TEKS UCAPAN YBHG. NAIB CANSELOR**  
**HARI AKADEMIA**  
**PERINGKAT UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA 2024**  
*Secara hybrid*

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

**SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan umur, kesihatan, dan rezeki untuk berhimpun pada hari ini sempena sambutan Hari Akademia peringkat UTeM tahun 2024. Sambutan ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi juga satu penghargaan terhadap jasa dan dedikasi ahli akademik yang menjadi tulang belakang kepada kemajuan ilmu dan kecemerlangan universiti. Ia adalah ruang untuk kita bersama-sama meraikan pencapaian dan komitmen seluruh warga akademik dalam mengangkat martabat pendidikan. Semoga majlis ini menjadi inspirasi untuk kita terus berusaha dan memberi yang terbaik demi kemajuan UTeM dan negara.

**Hadirin dan hadirat yang saya hormati,**

2. Ahli akademik adalah aset terpenting dalam usaha membentuk generasi masa depan dan merupakan pemacu utama kemajuan negara kita. Melalui dedikasi dan komitmen yang tinggi, kita telah mencurahkan masa dan tenaga dalam menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajar kita, menjadikan mereka bakal

pemimpin yang cemerlang. Ahli akademik bukan hanya sumber ilmu, tetapi juga pendorong inspirasi, membangunkan institusi kita dan mewarnai keperibadian serta kecemerlangan pelajar-pelajar yang kita didik.

3. Tema bagi Tahun 2024 ialah **-Transformasi Akademia dengan Kecerdasan Buatan (AI): Masyarakat Madani Berinovasi**. Tema tahun ini menggambarkan peranan penting dan peluang yang ada bagi warga akademik dalam menerapkan Kecerdasan Buatan (AI) untuk mentransformasi pendidikan dan masyarakat. Dalam era digital yang semakin maju, teknologi AI bukan hanya menjadi alat, tetapi juga merupakan pemangkin inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Warga UTeM yang dihormati,**

4. Izinkan saya berkongsi kegembiraan ini. Buat julung kalinya, penyertaan ahli akademik UTeM dalam **Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI) 2024** telah membuahakan hasil yang membanggakan. Dalam penyertaan kali pertama ini, UTeM berjaya merangkul dua kemenangan, sekaligus mengukuhkan kedudukan kita sebagai institusi yang sentiasa berinovasi dalam kurikulum dan penyampaian pengajaran. Pencapaian ini bukan sahaja menjadi bukti komitmen kita terhadap kecemerlangan akademik tetapi juga menyuntik semangat untuk terus memperkasakan pendidikan selari dengan keperluan masa depan.
5. UTeM telah dinobatkan sebagai **johan bagi kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif (Bersemuka)** menerusi projek inovasi

*Connecting the Dots - Meaningful Immersive Structural Health Monitoring experiences via integration of Design Thinking and Augmented Reality through Problem-Based Learning*, yang diketuai oleh Dr. Zakiah Abd. Halim dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal.

6. Selain itu, UTeM juga meraih **tempat ketiga bagi kategori Anugerah Kurikulum Program Pengajian Inovatif** menerusi projek yang diketuai oleh Ts. Dr. Norashikin Ahmad dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, yang turut membawa pulang piala dan wang tunai.
7. Saya percaya, kejayaan ini akan merancakkan lagi budaya inovasi UTeM dalam konteks pengajaran dan pembelajaran yang lebih berdaya inovatif. Inovasi ini juga mampu memenuhi keperluan pembelajaran pelajar yang pelbagai dari segi latar belakang, gaya pembelajaran, dan minat.

**Warga UTeM dan akademik sekalian,**

8. Saya juga dengan sukacitanya ingin berkongsi pada tahun ini, UTeM telah mencatat sejarah tersendiri dengan **kemasukan pelajar baharu yang paling ramai sejak penubuhannya**. Mengikut data akhir - 14 Oktober 2024, UTeM telah menerima seramai 3,340 orang pelajar baharu.
9. Pencapaian ini bukan sahaja membanggakan, tetapi juga membuktikan bahawa UTeM terus menjadi pilihan utama pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang TVET. Saya berbesar hati kerana UTeM telah diiktiraf sebagai universiti TVET terbaik di

Malaysia dan terus menjadi pilihan graduan. Kemasukan yang tinggi ini mencerminkan kepercayaan masyarakat terhadap UTeM sebagai institusi yang berdaya saing dan selari dengan keperluan industri semasa.

### Keypoint bagi ucapan Datuk NC

- jaga keharmonian
- respect each other
- pensyarah pentadbir, simbiosis (kerjasama)
- academician jantung, tapi takde brain pun tak boleh jalan
- performance based
- fairness dalam memberi markah, check and balance
- we got option
- award for excellence people who do paper

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan kepada anda semua berkaitan dengan arahan semasa yang menjadi topik hangat di kalangan ahli akademik di UTeM iaitu arahan berkaitan penerbitan satu *paper* bagi setiap pensyarah. Seperti yang anda semua maklum isu ini menjadi trending baru-baru ini kerana terdapat pihak yang tidak berpuas hati terhadap arahan tersebut. Di sini saya ingin menerangkan berkaitan kepentingan penerbitan ini kepada anda semua. (rujuk kepada slaid).

11. Kesimpulannya, peranan ahli akademik di UTeM adalah sangat pelbagai dan penting dalam memastikan kecemerlangan universiti terus diperkukuh. Mereka bukan sahaja terlibat dalam penyampaian ilmu, tetapi juga aktif dalam penyelidikan, pembangunan inovasi, dan memperkasakan kemahiran pelajar agar selari dengan keperluan

industri semasa. Ahli akademik turut memainkan peranan sebagai mentor, pencetus idea, dan pemimpin dalam komuniti akademik, memastikan setiap pelajar dapat berkembang dengan cemerlang di peringkat individu dan profesional. Usaha mereka dalam membentuk generasi masa depan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, dan beretika adalah asas yang kritikal untuk kelangsungan pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat.

12. Terima kasih diucapkan kepada semua ahli akademik atas komitmen dan dedikasi anda dalam mendidik dan membimbing generasi muda, serta dalam menyumbang kepada reputasi dan kebitaraan UTeM sebagai institusi TVET unggul. Sambutan ini adalah tanda penghargaan atas usaha tanpa henti seluruh warga akademik dalam memastikan UTeM terus relevan dan unggul di peringkat nasional dan antarabangsa.

13. Akhir sekali, **dengan ini saya juga berbesar hati untuk merasmikan Hari Akademia 2024 peringkat UTeM.** Semoga sambutan ini menjadi titik tolak untuk kita semua terus berusaha memperkukuh kecemerlangan pendidikan, penyelidikan, dan inovasi. Selamat Hari Akademia 2024!